



Kata Preposisi “à” + Arah, Lokasi dan Tempat dalam Penulisan Perancis: Satu Perbandingan

The Preposition “à” + Direction, Location and Place in French Writing: A Comparison Study

Shobehah binti Abdul Karim^{1*}, & Vijaya Letchumy Subramaniam²

¹France Collaboration Program, Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute, Malaysia

²Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

*Corresponding author: Shobehah@unikl.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.18.2025>

Abstract

To identify the similarities and differences between French Preposition (FP) - Malay preposition (MP) focusing on FP of direction, location and place, namely “à”. The similarities and differences between FP-MP were identified based on the Contrastive Analysis Theory, Lado (1957). The comparison results showed that there are similarities and differences between these prepositions. The similarity of FP-MP is in terms of the variety of forms and functions. The difference in FP is due to gender and number, either singular or plural. This is due to the variation factor of FP either in the form of simple preposition “à” + Noun or a combination of “à” + Article + Noun of place. The choice of FP of place should consider the nouns, gender and number carrying the meaning of “di” or “ke” in MP. The results of the study showed that the similarities between FP-MP help students, while the differences confuse students in choosing the right preposition. This study is expected to help French Language (FL) students understand the formation of FP, as well as help FL instructors to plan more effective teaching strategies.

Keywords: *differences, error, similarities, writing*

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan Kata Preposisi bahasa Perancis (KPBP) - bahasa Melayu (BM) fokus kepada KPBP menunjukkan arah, lokasi atau tempat iaitu à. Persamaan dan perbezaan antara KP BP-BM dikenal pasti bersandarkan Teori Analisis Kontrasif, Lado (1957). Hasil perbandingan menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan di antara KPBP à- KPBM. Persamaan KP BP-BM adalah dari segi kepelbagaian bentuk serta fungsi KP iaitu berbentuk tunggal atau gabungan. Perbezaan pula adalah faktor gender atau bilangan, sama ada berbentuk tunggal atau jamak. Hal ini terjadi kerana faktor variasi KPBP sama ada berbentuk tunggal iaitu KP “à” + Kata Nama (KN) atau gabungan iaitu KP “à” + Kata Sandang + KN arah/lokasi /tempat. Pemilihan KP tempat ini pula perlu berpandukan kriteria berikut iaitu KN khas atau KN am, gender serta bilangan membawa maksud “di” atau “ke” BM. Persamaan KPBP dengan KPBM membantu pelajar, manakala perbezaan pula mengelirukan pelajar dalam pemilihan KP yang betul. Kajian ini diharap dapat membantu pelajar memahami pembentukan KPBP serta membantu pengajar BP menangani masalah pemilihan KPBP dengan merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan.

Kata Kunci: *kesalahan, penulisan, perbezaan, persamaan*



Pengenalan

Kata preposisi merupakan kata tidak bervariasi menghubungkan kata atau ayat, sebagai pelengkap dan menentukan hubungan semantik hasil daripada gabungan golongan kata dan fungsi penggunaan KP Kamus Académie française, 9e édition (2024). Nik Safiah Karim (2022) menyatakan KP tergolong dalam golongan kata tugas dan didefinisikan sebagai perkataan yang letaknya di hadapan KN atau FN. Nik Safiah Karim et. al (2015) menyatakan kata sendi nama (KSN) adalah perkataan yang berfungsi sebagai kata depan sesuatu perkataan atau kumpulan perkataan yang tergolong sebagai KN, FN, contohnya di dalam di Kuala Lumpur, dan ke dalam ke sekolah kebangsaan. Vandeloise (2017) menyatakan KPBP à adalah pelengkap ayat dalam konteks geografi melibatkan bandar dan negara di mana preposisi à atau “in” dalam bahasa Inggeris atau “di” dalam bahasa Melayu dan fungsinya adalah untuk menyatakan lokasi atau tempat. Menurut Shobehah, Vijayaletchumy dan Hazlina (2024) pelajar BP sebagai bahasa asing sering keliru dalam pemilihan KPBP fungsi lokasi terutamanya dalam pemilihan KP à. Pelajar melakukan kesalahan dalam penulisan BP kerana mengandaikan bahawa KP à boleh digabungkan dengan semua tempat atau lokasi untuk menyatakan “di” atau “ke” dalam BM. Shobehah dan Vijayaletchumy (2021) turut menyatakan bahawa KP “di” dalam BP dengan fungsi lokatif mempunyai pelbagai bentuk dan bergantung kepada gabungan KPBP à + KN negara, bandar atau tempat dan perlu diberikan perhatian kerana terdapat variasi bentuk KPBP à kerana dipengaruhi oleh faktor genus, bilangan, KN khas atau KN am. Bertitik tolak daripada kepelbagaian ini, satu kajian perbandingan KPBP à menunjukkan arah, lokasi atau tempat dengan KP “di” atau “ke” dalam BM dijalankan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan di antara KPBP-BM.

Metodologi

Kajian analisis dokumen ini dijalankan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan KP BP dan KP BM. Dokumen kajian adalah hasil penulisan pelajar iaitu sebuah karangan deskriptif bertajuk “Une carte postale à votre manan de Montepellier, France” iaitu sekeping poskad kepada ibu dari Montpelier, France semasa ujian akhir Bahasa Perancis II. Responden kajian terdiri daripada 70 pelajar teknikal pelbagai jurusan di Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute. Hasil analisis kesalahan penulisan menunjukkan terdapat sejumlah 266 kesalahan tatabahasa BP. Kesalahan paling tinggi adalah kesalahan KP tunggal iaitu sebanyak 235 kesalahan dan kesalahan tertinggi adalah kesalahan KP fungsi arah, lokasi dan tempat iaitu sebanyak 155 kesalahan KP à. Bertitik tolak dari dapatan analisis kesalahan yang telah dijalankan, satu kajian analisis kontrastif telah dijalankan dan terbatas kepada mengenal pasti persamaan dan perbezaan KP BP dan KP BM. Kajian ini menfokus kepada perbandingan KP tunggal à dan variannya yang berfungsi untuk menunjukkan arah, lokasi dan tempat. Perbandingan fungsi KP BP tunggal dianalisis berdasarkan senarai 22 fungsi KP oleh Hawkins dan Towells (1996) seperti dicadangkan penggunaan senarai mengikut fungsi penggunaan oleh Azhar Harun (2006) yang menggolongkan kata KP BP dengan KP BM.

Dapatan

Kata Preposisi à walaupun kecil tetapi merupakan preposisi yang sangat penting dalam BP. KP à banyak kegunaannya dan beragam dan membawa maksud di, ke, pada, untuk atau dalam apabila diterjemahkan ke BM. Makna KP à ini bergantung kepada KK dan KN yang digunakan.



Jadual 1

Fungsi KP BP à di sebelah kiri dan perbandingan dalam BM di sebelah kanan

Bahasa Perancis	Bahasa Melayu
1. Tempat, lokasi dan posisi : à i. Je suis à Paris	di i. Saya di Paris.

Jadual 2

KP à mempunyai preposisi yang setara dengan BM

2. Masa dan Tempoh à i. Nous partons à huit heures du soir.	pada i. Kami bertolak pada pukul 8 malam.
--	--

Jadual 3

KP à mempunyai maksud yang setara dengan BM

3. Arah dan Destinasi à i. Je vais à la boulangerie ii. Un billet pour aller à Paris	ke i. Saya pergi ke kedai roti ii. Sekeping tiket ke Paris
---	---

- i. KP à perlu ditambah dengan kata sandang + lokasi
- ii. KP à + KN khas iaitu bandar

Jadual 4

Kadar, Nilai, Darjah dan Sukatan

4. Kadar, Nilai, Darjah dan Sukatan à i. Marc achète des tomates à 5 euros le kilo.	dengan (harga) i. Marc membeli sekilo tomato dengan harga 5 euros sekilo.
--	--

Jadual 5

KP à menunjukkan terdapat makna yang setara antara KPBP – KPBM.

5. Agen dan Instrumen à i. Il a fait quelque chose à la machine	dengan i. Dia membuat sesuatu dengan mesin.
--	--

Jadual 6

KP à mempunyai maksud yang setara dalam BM mengikut konteks dan kegunaannya.

6. Gaya, sifat dan Ciri à i. Il a fait à la main	dengan i. Dia membuatnya dengan tangan
---	---



Jadual 7

KP à mempunyai maksud yang setara dalam BM.

7. Milik à i. C'est à moi.	(milikan) i. Itu kepunyaan saya
--	--

Terdapat perbezaan di mana KP à menunjukkan milik dalam BM boleh ditulis ayat tanpa KP BM, bermaksud “saya punya” atau “milik saya”

Hasil daripada kajian perbandingan fungsi KP à BP dengan KP BM yang dijalankan ini telah menunjukkan KP à mempunyai 7 fungsi dengan makna yang pelbagai iaitu di, ke, pada atau dengan daripada 22 fungsi KP BP yang disenaraikan oleh Hawkins & Towells (1996). Seterusnya adalah variasi KP BP yang tidak terdapat dalam BM dan bergantung pada konteks ayatnya. Variasi KP BP adalah merujuk kepada variasi bentuk preposisi bergantung kepada KN yang mengikutinya. Ini adalah fenomena normal dalam struktur ayat BP iaitu kontraksi atau penggabungan. Gabungan KP perlu mengambil kira beberapa faktor iaitu KN, gender KN, bilangan KN sama ada tunggal atau jamak, ortografi KN sama ejaan bermula dengan huruf vokal atau huruf tidak berbunyi “h” dan beberapa pengecualian dalam proses membentuk kontraksi gabungan KP bersama Kata Sandang Tentu (KST). Langkah seterusnya dalam kajian perbandingan ini adalah menerangkan tentang pembentukan variasi gabungan KP à + KST. Gabungan variasi preposisi dalam BP berlaku apabila preposisi bertemu dengan KN. Berikut adalah variasi preposisi KP à + KST:

Pembentukan kepelbagaian kontraksi KP à + KST :

a. Kontraksi KP à + KST feminin (F) iaitu la :

à + la = à la

i. Je vais **à la** canteen
Saya pergi **ke** kantin

b. Kontraksi KP à + KST maskulin (M) le :

à + le = au

i. Nous allons au restaurant.
Kami pergi ke restoran.

c. Kontraksi KP à + KST l' (dihadapan KN M/F yang dimulai dengan huruf vokal atau huruf h tidak berbunyi :

à + l' = à l'

i. Elle veut aller **à l'**hopital
Dia hendak pergi **ke** hospital
ii. Marc t'attend **à l'**arrêt de bus
Marc menunggu kamu **di** hentian bus.

d. Kontraksi KP à + KST jamak les :

à + les = aux

i. Elles vont **aux** toilettes
Mereka pergi **ke** tandas



Hasil analisis pembentukan kontraksi KP à + KST mempunyai persamaan dengan KP BM, namun variasi dan pembentukannya bergantung kepada faktor yang sama iaitu genus, bilangan dan ortografi. Hasil analisis kajian ini menunjukkan ada persamaan iaitu kontraksi KP à l, au, à l dan aux mempunyai makna yang setara dalam BM iaitu di atau ke dalam kajian elemen preposisi BP II ini. Secara khususnya gabungan KP à + KST ini hakikatnya menghindari pengulangan suara dan menjaga kelancaran pembicaraan dalam bahasa Perancis, namun bagi pelajar Malaysia kontraksi ini adalah sesuatu yang mengelirukan kerana KN BM tidak perlu mengambil kira faktor genus bilangan dan juga ortografi ketika membina ayat dengan KP di, ke, dari atau dengan. Kefahaman terhadap aturan ini dapat membantu penguasaan KP BP dengan baik. Kepelbagaian fungsi KP memainkan peranan yang penting dalam pembentukan ayat BP dan BM. Hasil perbandingan dapat memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang wujud dalam struktur bahasa-bahasa yang berkenaan.

Perbincangan

Secara umum, KP BP memiliki fungsi yang hampir sama dengan KP BM di mana kedua-dua KP ini digunakan untuk menyatakan arah, tempat, lokasi atau posisi sebagai pelengkap dalam ayat. Meskipun istilah atau bentuk KP ini berbeza dan pelbagai namun peranan dan fungsinya secara relatif adalah serupa. Persamaan yang paling ketara adalah dari segi fungsi KP BP dan BM digunakan pertama untuk menyatakan hubungan atau posisi di antara KN, KGN, Frasa dan elemen-elemen lain dalam satu ayat. Kedua, KP BM dan BP juga digunakan untuk menyatakan lokasi atau arah suatu objek atau peristiwa dan ketiga KP BP dan BM juga mempunyai fungsi yang sama iaitu untuk menentukan waktu dan urutan peristiwa. Manakala perbezaan KP BP dengan BM adalah dari segi bentuk dan terminologi di mana KP BP menggunakan istilah preposition untuk merujuk kepada à, de, sur dan lain-lain, manakala KP BM pula lebih menggunakan kata sendi nama (KSN) untuk merujuk pada kata-kata seperti ke, dari, pada dll. Bukan itu saja, perbezaan KP BP yang paling ketara dalam BP dan tidak terdapat dalam KP BM adalah bentuk variasi KP BP terutamanya melibatkan KP à. Beberapa KP BP dapat mengalami perubahan bentuk atau penggabungan bergantung kepada KN yang mengikutinya, KST, KGN, KP dalam benda yang mengikutinya, sementara KP secara umumnya adalah dalam bentuk asal.

Kesimpulan

Kesimpulannya kajian analisis kontrastif ini dianggap sebagai kajian yang paling sesuai bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang terdapat antara dua bahasa. Melalui kajian AKons ini juga, pengkaji dapat menggunakannya sebagai satu langkah untuk mengkaji persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara bahasa yang dikaji, iaitu BP sebagai bahasa sasaran(BS) dan BM sebagai bahasa Ibunda responden. Hasil analisis kajian perbandingan ini membantu pelajar dan pengajar memahami dengan jelas tentang persamaan dan perbezaan KP kedua-dua bahasa dan telah diuraikan satu persatu dan kemudiannya diperbandingkan secara selari akan memudahkan pelajar menguasai BS. Jika sekira KPBP mempunyai persamaan dengan BM maka ini akan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran BP. Jika sebaliknya, masalah akan timbul. Justeru, pengetahuan tentang jenis-jenis dan fungsi KP juga membantu dalam pembentukan ayat yang baik dan lengkap. Kefahaman tentang jenis-jenis kata preposisi dan fungsinya membantu pelajar membuat pilihan KP yang betul. Penggunaan KP yang betul memperkayakan bahasa dan maklumat dapat disampaikan dengan jelas dan tepat.



Pernyataan Etika

Kajian ini adalah kajian analisis dokumen dan perbandingan preposisi BP dan BM dan dijalankan melalui kajian kepustakaan dan internet. Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial.

Pernyataan KRediT Penulis

Shobehah Abdul Karim: Anotasi Teks, Pengkonsepkan, dan Penulisan; Vijaya Letchumy Subramaniam: Semakan dan Penyuntingan.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- Académie française, 9e édition (2024). <http://www.academie-francaise.fr>
- Claude, Vandeloise. (2017). *Three basic prepositions in French and in English: a comparison*. Corela, 23 doi: 10.4000/CORELA.5033
- Harun, A. (2006). *Penggunaan Preposisi Bahasa Perancis di Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Analisis Kesilapan* (Doctoral dissertation, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).
- Hawkins, Roger & Towell, Richard (1996). *French Grammar and Usage*. London: Arnold
- Karim, S. B. A., Subramaniam, V., & Halim, H. B. A. (2024). Error Analysis in French Simple Sentence Writing among the Students of UniKL MFI. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(10): 2851–2868.
- Karim, S. A., & Subramaniam, V. (2021). Contrastive Analysis on French and Malay Language Prepositions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(12): 2235–2246.
- Lado, R. (1957). *Linguistics Across Cultures; Applied Linguistics for Language Teachers*.
- Nik Safiah Karim, Farid M. On, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nik Safiah Karim (2022). *Liku-liku Kata Sendi Nama*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.